

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN TAMBAT@JUGAH AK MUYANG
[LUBOK ANTU]**

SOALAN NO. 451

TUAN TAMBAT@JUGAH AK MUYANG [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan menaik taraf kemudahan perbankan di pekan Engkilili dalam kawasan Parlimen 203 Lubok Antu, yang mana pada ketika ini cuma terdapat satu bank sahaja, iaitu Agrobank di pekan daerah Lubok Antu amat tidak mencukupi bagi menampung keperluan penduduk tempatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain cawangan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), pada masa ini, terdapat satu Mesin Pengeluaran Wang (ATM) Agrobank dan lima (5) ejen bank (EB) yang telah dilantik oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi menyediakan perkhidmatan perbankan untuk penduduk sekitar Lubok Antu. Melalui ATM Agrobank ini, penduduk juga boleh membuat transaksi pengeluaran wang daripada akaun bank-bank lain serta pindahan dana dan bayaran pinjaman atau kad kredit kepada bank-bank lain. Manakala melalui lima (5) ejen bank BSN, penduduk daerah Lubok Antu boleh mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil dan pembukaan akaun.

2. Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan cawangan di kawasan yang telah pun mempunyai cawangan bank adalah seperti berikut:

- i. kemampuan daya saing dan;
- ii. kemampuan bank dalam jangka masa panjang berasaskan anggaran keperluan dan penggunaan sebenar perkhidmatan kewangan oleh penduduk.

3. Pembukaan cawangan mungkin boleh dipertimbangkan oleh bank sekiranya faktor-faktor ini dapat dipenuhi. Sekian, terima kasih.